



**TEKS UCAPAN YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL  
TENGKU ABDUL AZIZ  
MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELUNCURAN PELAN INDUK KERIAN  
*INTEGRATED GREEN INDUSTRIAL PARK (KIGIP)***

**15 JUN 2024 | SABTU**

**DEWAN DATO' ZAINAL ABIDIN, BAGAN SERAI, PERAK**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Salam sejahtera.

**SALUTATION LIST**

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim,

**Perdana Menteri**

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Hj. Fadhilah bin Hj Yusof,

**Timbalan Perdana Menteri II, merangkap Menteri Peralihan  
Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)**

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Saarani bin Mohamad,

**Menteri Besar Perak Darul Ridzuan**

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,

**Ketua Menteri Pulau Pinang**

**Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak, Barisan-Barisan  
Exco**

Barisan pengurusan tertinggi SD Guthrie Berhad dan Permodalan Nasional Berhad.

Ketua-ketua Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Perak dan Pulau Pinang, serta hadirin yang saya hormati.

***Siri berlipat sirih pinang,***

***Siri dibeli di pekan Sungkai,***

***Pemanis kata selamat datang,***

***Di dewan indah, di Bagan Serai.***

1. *Alhamdulillah*, bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita bersama-sama di Majlis Peluncuran Pelan Induk Kerian *Integrated Green Industrial Park* atau lebih sinonim dikenali dengan KIGIP.

2. Tak kenal, maka tak cinta. Sebagai Menteri Kabinet yang telah diamanahkan untuk menerajui Projek KIGIP, saya ingin menjelaskan bahawa **Projek KIGIP** telah diaspirasikan oleh **YAB Perdana Menteri** dan diumumkan semasa pembentangan **Belanjawan 2024** yang lalu. Projek ini amat **diberikan penekanan** oleh YAB Perdana Menteri, yang mana, projek ini dilihat sebagai satu **projek berkepentingan nasional** yang perlu disegerakan pelaksanaannya.

3. Bertitik tolak daripada pengumuman tersebut, pembangunan Projek KIGIP, di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI telah mencapai beberapa **perkembangan yang signifikan**. Ini bagi menyahut saranan dan hasrat YAB Perdana Menteri supaya Projek ini dilaksanakan (***kick-off***) dengan kadar **segera**:

- (i) **PERTAMA**: Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri pada **16 April 2024**, telah **bersetuju** supaya **pembangunan KIGIP** dilaksanakan oleh **SD Guthrie Berhad** dan **PNB**. **Terima kasih** saya ucapkan kepada **SD Guthrie Berhad** dan **PNB** di atas komitmen jitu untuk bersama-sama merealisasikan Projek ini.
- (ii) **KEDUA**: Kajian lapangan (*Ground Survey*) bagi **Fasa 1** (seluas **1,000 ekar**) telah **siap** sepenuhnya pada **bulan Mei 2024** baru-baru ini.
- (iii) **KETIGA**: SD Guthrie telah melantik ***master planner*** bagi menyiapkan proses penyediaan **Pelan Induk Pembangunan KIGIP**.
- (iv) **KEEMPAT**: SD Guthrie telah menubuhkan **pejabat khas** di **Bangunan Ibu Pejabat Sime Darby** di Ara

**Damansara** khusus bagi mengendalikan projek KIGIP. Manakala, **Pejabat Satelit baharu** akan ditubuhkan di **Parit Buntar, Perak** bagi tujuan pemantauan pembangunan tapak KIGIP.

(v) **KELIMA:** YAB Timbalan Perdana Menteri II, merangkap **Menteri PETRA** sendiri telah diberi mandat oleh YAB Perdana Menteri untuk **menyelaraskan keperluan utiliti** (tenaga, air dan sumber lain) bagi **menyokong pelaksanaan Projek KIGIP**. Saya difahamkan bahawa **perbincangan** awal bersama pihak-pihak terlibat seperti **Suruhanjaya Tenaga** dan **Tenaga Nasional Berhad**, telah dan sedang diadakan bertujuan untuk memudah cara hal-ehwal berkaitan utiliti bagi menyokong Projek KIGIP.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan **penghargaan** kepada **YAB Menteri Besar Perak**. Di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar, saya dapat melihat **komitmen jitu** dan **kerjasama** oleh **jentera Kerajaan Negeri** untuk memastikan **proses kelulusan** yang berkaitan disusuli dan **di mudah** cara melalui **Pasukan Petugas Khas Pembangunan KIGIP**, yang dipengerusikan bersama oleh MITI dan Kerajaan Negeri Perak. Saya percaya, **kerjasama erat** dan **sinergi** antara **Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri**, serta

komitmen jitu **SD Guthrie** dan **PNB** ini akan membantu merealisasikan agenda nasional seperti yang dihasratkan.

5. Saya difahamkan, perangkaan hala tuju KIGIP mengambil kira penerapan elemen '*green and smart industrial park*'. Dengan kedudukan yang strategik, KIGIP berpotensi **menarik pelaburan** berteknologi tinggi dan berdaya maju seperti **pusat data, E&E, logistik, serta industri berdasarkan pengetahuan**. Fokus ini adalah **selari** dengan polisi dan dasar semasa di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu (*New Industrial Master Plan – NIMP*) 2030, Strategi Semikonduktor Nasional (SSN), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (*National Energy Transition Roadmap - NETR*) serta Rangka Kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri (ESG) Kebangsaan (**i-ESG**).
  
6. Pembangunan KIGIP juga mampu menawarkan **prospek kerjaya** yang menarik dan **berkualiti** kepada **bakat tempatan** di kawasan sekitar KIGIP. KIGIP akan menjadi **salah satu hab di utara Malaysia** untuk menyemai **bakat dan inovasi**, berdasarkan lokasinya yang **strategik** dan **berdekatan** dengan pelbagai **institusi pendidikan dan kemahiran tinggi, institusi TVET** dan **Pusat Latihan Giat MARA**. Lokasi strategik ini akan **memastikan bekalan graduan mahir** mencukupi untuk mengisi jawatan berkemahiran dan bernilai tinggi di KIGIP, di samping mengutamakan dan memberi peluang kepada **tenaga kerja tempatan yang berkemahiran** untuk terus berkembang maju.

7. KIGIP dilihat melengkapi ***spillover demand*** selaras dengan kepesatan industri di **Pulau Pinang** dan **Kulim High -Tech Park**. Saya percaya, KIGIP, selepas beroperasi sepenuhnya kelak, akan memberi **sumbangan besar** kepada pembangunan ekonomi negara. Dengan ***value-proposition*** yang **tersendiri**, KIGIP **bukannya bersifat bersaing**, tetapi **saling melengkapi** taman-taman perindustrian sedia ada di sekitarnya.

Hadirin sekalian,

8. Malaysia sangat bertuah kerana **keadaan sosial dan politik semasa** yang sangat **stabil**, sekali gus memberi **isyarat positif** dan **keyakinan** kepada **pelabur** untuk **memilih Malaysia** sebagai destinasi pelaburan di rantau ini. Disokong dengan **ekosistem pelaburan** yang berdaya saing serta ketersediaan **infrastruktur** yang **kondusif** untuk pelabur, maka tidak hairanlah pelabur berpusu-pusu **meninjau peluang pelaburan** yang ada di Malaysia. Oleh itu, kita perlu mengambil peluang ini dengan membuktikan bahawa Malaysia bersedia untuk menawarkan pakej yang menarik dengan fasilitasi pelaburan secara menyeluruh atau *end-to-end*.

9. Dalam **Misi-misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan** yang telah saya laksanakan, rata-rata **pelabur memandang tinggi** kejayaan dan keupayaan Malaysia untuk

menarik syarikat-syarikat gergasi global, menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan. Ini juga disokong oleh **kepercayaan** terhadap **pucuk pimpinan** kita, khususnya YAB Perdana Menteri, dalam **menzahirkan komitmen negara** untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi negara.

10. Saya amat berbesar hati melihat **agenda pembangunan ekonomi** negara turut **disokong** oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (**GLIC**) dan syarikat berkaitan kerajaan (**GLC**). Penglibatan entiti-entiti ini dilihat signifikan terutama dalam aspek berkaitan penerokaan **peluang pelaburan** bagi **sektor pertumbuhan ekonomi baharu**, menyokong **pembangunan modal insan** terutamanya penggajian siswazah baharu, serta melaksanakan **tanggungjawab sosial korporat (CSR)**. Justeru, **pembangunan KIGIP** ini dilihat sebagai suatu **manifestasi dasar Kerajaan** dalam meningkatkan **kerjasama awam dan swasta**, sekali gus **memperkasakan GLIC** dan **GLC**. Ini bukan sahaja membantu mempercepatkan perkembangan ekonomi negara, malah, membina sebuah ekonomi yang berdaya tahan dan lestari.

Hadirin sekalian,

11. Kita semua sedia maklum bahawa, Malaysia telah mencatatkan **pelaburan** yang diluluskan **tertinggi** dalam

sejarah bagi **tahun 2023** dengan nilai pelaburan sebanyak **RM329.5 bilion**. Ini merupakan **peningkatan 23%** berbanding **tahun 2022**. Saya percaya, **momentum** ini dapat **diteruskan** berlandaskan kepada pendekatan seluruh kerajaan, atau **whole-of-government** serta pendekatan senegara (*whole-of-nation*) yang diterapkan di bawah kepimpinan **Kerajaan MADANI**.

12. Akhir kata, **terima kasih dan tahniah** kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Saya yakin KIGIP akan menjadi pencetus kepada lebih banyak kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam **menggerakkan** agenda **Ekonomi MADANI**.

13. Izinkan saya mengakhiri ucapan hari ini dengan serangkap pantun:

***Riuh berkicau si burung nuri,***

***Sedang asyik cari pasangan,***

***Perak mampan dan juga lestari,***

***KIGIP terlaksana, itulah harapan.***

Sekian, terima kasih.